

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]

**TARIKH :** 3.4.2014

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil yang tercapai dari segi prestasi murid dan kemahiran guru setelah tiga tahun menjalankan program Mentor Bahasa Inggeris sejak tahun 2011 di 1,800 sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Penilaian Pencapaian KPI Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) pada bulan September 2013, **tahap penguasaan guru** dalam bahasa Inggeris telah meningkat dengan signifikan. Dalam kalangan 4,500 guru yang dinilai oleh mentor berdasarkan *Common European Framework* (CEFR), bilangan guru yang berada pada tahap rendah iaitu Band A1, A2 dan B1 telah berkurangan manakala guru yang berada pada Band C1, C2 dan B2 meningkat dengan signifikan.

Berdasarkan **soal selidik persepsi 160 orang murid** di 32 sekolah sampel semasa Pemantauan Pelaksanaan PPJBI dan penilaian KPI PPJBI pada tahun 2013 pula mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan PPJBI telah memberi manfaat kepada murid, walaupun masih belum mencapai tahap profisiensi yang tinggi dalam bahasa Inggeris.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 30**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah bilangan Graduan Juruterbang (*pilot*) yang masih menganggur sehingga Feb 2014, apakah sebab terjadinya fenomena sedemikian rupa.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Februari 2014 dianggarkan seramai 633 orang graduan sekolah penerbangan masih belum mendapat pekerjaan.

Antara faktor-faktor pengangguran di kalangan para graduan adalah seperti berikut:

**(i) Perkembangan industri penerbangan negara**

Jumlah peningkatan graduan yang tidak mendapat pekerjaan juga disokong dengan ketiadaaan pengambilan oleh syarikat-syarikat penerbangan semenjak bulan September 2013. Oleh yang demikian, tiada pengurangan yang ditunjukkan dari jumlah graduan yang mendapat pekerjaan dari syarikat penerbangan sehingga Februari 2014.

**(ii) Lebihan bekalan juruterbang berbanding permintaan**

Malaysia tidak mempunyai banyak syarikat penerbangan, dan ketidaktentuan ekonomi dunia masa kini turut memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat penerbangan dan ini mempengaruhi permintaan terhadap juruterbang baru.

**(iii) Peningkatan harga bahan api**

Peningkatan harga bahan api dilihat memberi kesan kepada industri penerbangan tempatan dan ini mengakibatkan syarikat penerbangan terpaksa mengkaji dan merancang semula operasi dan laluan untuk memastikan kecekapan penggunaan bahan api. Pengurusan semula operasi dan laluan turut memberi kesan kepada permintaan juruterbang baru.